



## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA DAN PELANCARAN TRAVELOG CITARASA MENU KELUARGA MALAYSIA

**12 NOVEMBER 2022, PUTRAJAYA**– Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah menghadiri Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia (SUKM) edisi ke tujuh bertempat di Anjung Floria, Persint 4, Putrajaya. Program ini merupakan satu program perterjemahan kepada Pelan KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 yang telah dibangunkan oleh Kementerian pada tahun 2021. Terdahulu program seumpama ini pernah dilaksanakan di lima negeri dan enam lokasi berbeza seperti Johor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak.

2. Bertemakan “Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia”, program ini menyasarkan penglibatan pelbagai bangsa dan telah menerima kunjungan luar biasa melebihi 3,000 orang pada hari ini.

3. Program ini dimeriahkan lagi dengan beberapa pengisian utama termasuklah aktiviti seperti:-

**i. UNITI *Fun Run***

Penglibatan sehingga 2,000 peserta pelbagai peringkat yang berlari sejauh lima kilometer. Peserta dibekalkan bersama t-shirt, race bib, dan medal.

**ii. Pameran Rumah KAMI**

Pameran yang memberi peluang kepada pengunjung untuk menghayati dan merasai sendiri keunikan adat, resam dan kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh Keluarga Malaysia merangkumi rumah pelbagai bangsa seperti Rumah Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.

**iii. Jualan *Food Truck***

Operator *Food Truck* sekitar Putrajaya menawarkan jualan makanan yang berasaskan Citarasa Menu Keluarga Malaysia. Buah-buahan seperti pisang dan epal telah diberikan secara percuma kepada setiap pengunjung ke jualan ini.

**iv. Piknik Keluarga Malaysia**

Seramai lebih 100 keluarga telah berkumpul di sekitar Pantai Floria Putrajaya bagi memeriahkan lagi program SUKM ini. Setiap keluarga yang hadir telah dibekalkan bersama Piknik Kit yang terdiri daripada bekalan makanan dan minuman untuk sarapan pagi, tikar, peralatan mewarna bagi kanak-kanak dan kipas tangan.

**v. Persembahan Kebudayaan**

Persembahan naga, tarian tradisional India dan Kadazan, persembahan muzik tradisional Melayu seperti canang dan lain-lain elemen permainan kebudayaan turut dipersembahkan kepada pengunjung.

4. Pada majlis sama, Yang Berhormat Datuk Halimah turut melancarkan *Travelog* Citarasa Menu Keluarga Malaysia yang merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam usaha memperhebat pencarian tapak integrasi baharu yang dapat menyatupadukan masyarakat. Melalui program ini, Keluarga Malaysia berpeluang mencalonkan premis-premis perniagaan makanan pilihan mereka seperti medan selera, kopitiam, restoran, *Food Truck*, dan *Café*. Program ini seterusnya akan mengembara ke seluruh negara bagi menjejak premis makanan yang menerima pencalonan tertinggi daripada orang ramai.

5. “Ikatan perpaduan yang kukuh perlu sentiasa dipelihara walau dalam apa jua keadaan sekali pun dan ini adalah tanggungjawab kita Keluarga Malaysia secara bersama. Program seperti ini memberi ruang kepada semua untuk berinteraksi dan saling mengenali antara satu sama lain.” jelas Datuk Halimah.

**Kementerian Perpaduan Negara**

12 November 2022

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

**Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 ( )